

29 JAN 2002

AGONG TERIMA DARJAH YANG MAHA UTAMA KERABAT DIRAJA MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 29 Jan (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail hari ini menerima Darjah Yang Maha Utama Kerabat Diraja Malaysia (D.K.M) daripada Kerajaan Malaysia.

Darjah itu disampaikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada satu istiadat di Istana Negara.

Pada istiadat yang sama, Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid menerima Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N) daripada Perdana Menteri.

Antara yang hadir pada istiadat itu ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad dan Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

-- BERNAMA

SLR AHH NMO